

KEPERLUAN NITROGEN BAGI PERTUMBUHAN NANAS DI TANAH BRIS
(*Ananas comosus* L. Merrill)

NORAINI BINTI AWANG @ ALI

JABATAN SAINS BIOLOGI
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA, KUSTEM

2003

KEPERLUAN NITROGEN BAGI PERTUMBUHAN NANAS DI TANAH BRIS

(Ananas comosus L. Merrill)

Oleh :

NORAINI BINTI AWANG @ ALI

**Laporan projek ini kemukakan sebagai
memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah
Sarjana Muda Sains-Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti**

Jabatan Sains Biologi

Fakulti Sains dan Teknologi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

2003

Laporan projek ini dirujuk sebagai :

Noraini, A. A. 2003. Keperluan Nitrogen Bagi Pertumbuhan Nanas Di Tanah Bris. Laporan Projek , Sarjana Muda Sains – Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. Terengganu 43p.


Tidak dibenarkan mengulang mana-mana bahagian dan kandungan laporan ini dalam apa juga bentuk dan cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis atau Penyelia Utama penulis tersebut.

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN
PENYELIDIKAN ILMIAH TAHUN AKHIR**

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan penyelidikan ilmiah tahun akhir bertajuk **Keperluan Nitrogen Bagi Pertumbuhan Nanas Di Tanah Bris (*Ananas comosus* L. Merrill)** oleh **Noraini Binti Awang @ Ali**, no matrik **UK 4560** telah diperiksa dan semua pembetulan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Sains Biologi sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan memperolehi **Ijazah Sarjana Muda Sains Pemuliharaan Dan Pengurusan Biodiversiti**, Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.

Disahkan oleh:



.....

Penyelia Utama

Nama/Cop: **DR. ADZEMI MAT ARSHAD**
Pensyarah

Tarikh: **Jabatan Sains Biologi
Fakulti Sains dan Teknologi
Kolej Universiti Terengganu
21030 Kuala Terengganu.**

6 MAC 2003


.....

Ketua Jabatan Sains Biologi

Nama/Cop: **PROF. DR. CHAN ENG HENG**
Ketua

Tarikh: **Jabatan Sains Biologi
Fakulti Sains dan Teknologi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

21030 Kuala Terengganu.

6 MAC 2003

PENGHARGAAN

Puji-pujian bagi Allah Tuhan pencipta sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat. Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Ilahi kerana berkat dan limpah rahmat kurniaan-Nya, dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia projek ini iaitu Dr. Adzemi Mat Arshad di atas kesabaran beliau memberi tunjuk ajar, menegur serta memberikan bimbingan sepanjang saya melaksanakan penyelidikan ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada pembantu Makmal Biologi Umum KUSTEM yang banyak membantu saya menjalankan kerja-kerja makmal dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam melakukan kerja-kerja makmal. Terima kasih juga buat pegawai Stesen Pembangunan Komoditi, Jabatan Pertanian, Rhu Tapai, Terengganu kerana membenarkan saya membuat penyelidikan di sana.

Buat keluarga yang tercinta, terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga buat teman-teman seperjuangan yang sama-sama mengharungi pelbagai onak dan duri, suka dan duka, serta yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini terima kasih di atas segalanya.

Semoga segala jasa baik kalian semua akan mendapat balasan yang setimpal dari Al-khaliq Azza Wajalla dan semoga setiap apa yang kita lakukan akan mendapat keredhaan dari Nya.

Sekian Wassalam.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ABSTRAK

Satu kajian telah dijalankan di Stesen Pembangunan Komoditi, Jabatan Pertanian, Rhu Tapai, Terengganu. Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk mengkaji kadar pembajaan nitrogen yang sesuai ke atas pertumbuhan nanas di tanah Bris. Tanaman penunjuk yang digunakan ialah nanas varieti Josapine. Kajian ini dijalankan selama 6 bulan. Enam rawatan nitrogen digunakan iaitu 0, 200, 400, 600, 800 dan 1000 kg N ha⁻¹. Sumber nitrogen ialah baja Urea (46 % N). Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah Rekabentuk Blok Penuh Rawak (RCBD) dan setiap rawatan direplikasikan sebanyak tiga replikasi. Kadar nitrogen yang sesuai untuk pertumbuhan pokok nanas di tanah Bris ialah pada rawatan 800 kg N ha⁻¹, menunjukkan peningkatan ketinggian pokok nanas, keluasan daun D dan berat kering daun D pokok nanas. Peratus kepekatan nitrogen dalam daun D adalah meningkat dengan pertambahan baja nitrogen. Nilai pH yang tertinggi didapati pada penggunaan rawatan 800 kg N ha⁻¹.

ABSTRACT

A research was conducted at the Commodity Development Station, Department of Agriculture, Rhu Tapai, Terengganu. The aim of this is to study the effect of nitrogen on the growth of pineapple on Bris soil. The indicator crop used was pineapple variety Josapine. This research was conducted for 6 months. Six treatments of nitrogen at concentrations of 0, 200, 400, 600, 800 and 1000 kg N ha⁻¹ were used. The source of nitrogen was urea fertilizer (46 % N). The research used Randomized Complete Block Design (RCBD) and each treatment was replicated 3 times. The results showed that the necessary concentration of nitrogen fertilizer treatment for the growth of pineapple grown on Bris soil was 800 kg N ha⁻¹. The treatment was found to increase plant height, D leaf area and dry weight of pineapple. The percentage of nitrogen concentration in D leaf increased with the addition of nitrogen fertilizer. The highest pH value was obtained by the treatment of 800 kg N ha⁻¹.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH